

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	SINAR HARIAN
Date	21 SEPTEMBER 2016

Sudah hampir mati akal. Saya tidak tahu di mana lagi hendak mencari mereka. Setelah bertanya kepada beberapa orang di Hotel Oberoi, saya diberitahu di kawasan berdekatan ada pejabat menjual tiket penerbangan yang buka jam 10 malam. Nasib saya sangat baik. Ketika itu dalam poket kot saya ada pasport, sedikit wang dan cek, tiga benda yang amat saya perlukan.

Saya bergesas ke pejabat jualan. Hanya ada seorang pelanggan dan dua staf yang sudah bersiap untuk 'tutup kedai'. Saya memberitahu mereka saya perlukan tiket ke Riyadh. Seorang daripada mereka yang boleh bertutur bahasa Inggeris berkata: "Kami nak tutup pejabat sekarang."

Saya: "Tolonglah saya. Saya perlukan tiket ke Riyadh, malam ini atau esok."

Pegawai itu bertanya: "Who are you?"

Saya memberitahu profesion saya dan terus mengambil peluang menunjukkan itinerari program lawatan rasmi itu. Dia sedikit mesra selepas menelitinya.

Pegawai: "Anda lihat seorang pelanggan tadi. Dia nak ke Riyadh juga kerana saudaranya mati. Tapi kami tidak boleh buat apa-apa sebab kapal terbang sudah penuh."

Saya: "Ya, saudara dia sudah mati, tapi saya masih hidup. Perdana menteri saya akan temui raja anda di Riyadh dan apa jadi pun, saya wajib ada di sana pagi esok. Kalau tidak, saya akan mati. Anda pun akan mati juga!"

Kerana gelabah, saya bagaikan hilang arah tentang apa yang patut saya cakap.

Pegawai itu merenung saya. Entah apa yang difikirkan. Dia pergi kembali ke mejanya, capai gagang telefon dan buat panggilan. Pandangannya terus ke arah saya.

Saya memicit dahi, tidak putus-putus berharap dan berdoa. Saya yakin ALLAH akan melepaskan saya daripada kecemasan. Kira-kira 10 minit kemudian, pegawai itu keluar kembali, berdiri di hadapan saya dan berkata: Brother, you got the ticket... 7.45 am flight tomorrow.

Subhanallah! Saya lega teramat. Kami berpelukan. Badan saya terasa seolah-olah ringan, seperti mahu terbang masa itu juga. Dari jam 7.45 pagi keesokannya, saya lena sepanjang penerbangan hingga pesawat mendarat di kota Riyadh, ibu negeri Saudi Arabia itu, hampir dua jam kemudian. Yang menarik, sehari sebelum itu, ketika di Madinah, saya siap menghantar ucapan perdana menteri yang dijadual untuk disampaikan dalam majlis dengan pemerintah di Riyadh dan ucapan itu disiarkan di muka depan The New Straits Times keesokan hari.

Tidak lama selepas bertemu dan berpelukan dengan rakan-rakan wartawan di Riyadh, saya diberitahu, perdana menteri tidak jadi berucap malam itu. Astaghfirullah. Saya diam seribu bahasa! – Farush Khan